UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

25 TAHAN 1999–2024 UiTM SEBUAH UNIVERSITI

# AMANAT HALA TUJU PERPUSTAKAAN UiTM 2024

**Bersama**

**Ts. Haji Azizi Bin Haji Jantan**
Ketua Timbalan Pustakawan
Menjalankan Tugas Ketua Pustakawan

**Tarikh & Masa :**
**26 Februari 2024**
*(16 Syaaban 1445H)*
**Isnin** ( 9.00 pagi hingga 10.30 pagi)

f LIVE
@perpustakaanuitm

YouTube LIVE
@perpustakaanuitm

ڤمبوداياءن علمو ممبنتوق اديواڠسا
Pembudayaan Ilmu Membentuk Adiwangsa

UiTM di hatiku اوسها • تقوى • مليا

# DOA SEMPENA AMANAT HALA TUJU PERPUSTAKAAN UiTM 2024

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْمِ
اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰلَمِيْنَ
وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى أَشْرَفِ الأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

**Ya Allah, Ya Rahmaan**

Hanya padamu sahaja kami panjangkan kesyukuran diatas segala rahmat dan berkat-Mu.
Bersempena dengan perjumpaan kami di perjumpaan ini, kami memohon inayah dan taufikmu, agar Engkau kurniakanlah kami petunjuk dan jalan yang lurus, bagi kami mengemudi Perpustakaan UiTM yang kami sayangi ini, jadikanlah pertemuan ini menjadi asbab bagi meningkatkan produktiviti kami, agar dengannya kami dapat terus berbakti sebagai sebuah Organisasi Penyebaran Ilmu yang gemilang serta bermanfaat kepada seluruh warga Universiti.

# DOA SEMPENA AMANAT HALA TUJU PERPUSTAKAAN UiTM 2024

**Ya Allah, Ya Rahim**

Sesungguhnya pada hari ini, kami berkumpul demi menjalankan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada kami, oleh itu ya Allah, berikanlah kami kemudahan untuk saling bertukar pendapat, menyumbang buah fikiran, memberi cadangan juga penyelesaian, menghubungkan silaturrahim serta ikatan, saling memberi sokongan juga panduan dan jika pada usaha kami terdapat pahala amal kebajikan, jadikanlah ianya sebagai saham akhirat kami yang berpanjangan.

**Ya Allah, Ya Karim**

Kau kurniakanlah perlindungan kepada kami, keluarga, serta sanak saudara kami daripada wabak yang melanda dunia ketika ini, Kurniakanlah jua kepada kami kesihatan anggota, kecergasan minda, ketenangan jiwa, kekuatan semangat, semoga dengannya kami mampu mendepani cabaran, berdaya saing dan mampu mengangkat martabat diri, keluarga, masyarakat dan negara

رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الأَخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

وَصَلَّى اللهُ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

# SELAMAT TAHUN BAHARU 2024

Kepada Seluruh Warga Perpustakaan UiTM

# PENZAHIRAN TAKZIAH

*Semoga mereka ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman dan semoga seluruh ahli keluarga tabah menghadapi dugaan Allah. DaripadaNya kita datang dan kepadaNya kita kembali.*



**Mantan**
**Ketua Pustakawan UiTM**
**(2003 - 2008)**







سُورَةُ الفَاتِحَة

Al-Fatihah

# TERIMA KASIH JASAMU DIKENANG

***Staf Perpustakaan UiTM yang telah bersara dan tamat perkhidmatan***



# SELAMAT DATANG

***Staf Perpustakaan UiTM yang telah melapor diri pada tahun 2023***






# SYABAS DAN TAHNIAH

## KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN SELURUH WARGA PERPUSTAKAAN UiTM



Dalam keghairahan kita **menggapai ke langit**,
jangan kita ketinggalan dasar kerana kita sebagai negara
dengan budaya dan fahaman agama yang rencam, harus juga
**mengakar ke bumi**

- Datuk Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri

# PEMETAAN PERPUSTAKAAN UiTM 2024

## KPT

**5** Fokus Utama

**20** Landasan

X

## PTAR

**6** Matlamat

**21** Inisiatif Utama

X

## UiTM

**3** Teras Strategik

**9** Tema Strategik

# MALAYSIA MADANI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

## Quality Education
- Education 5.0
- Entrepreneurial & Well-Balanced Graduate
- Widened Access

## Global Excellence
- Translational Research Development, Innovation & Commercialisation
- Industry, Community & Alumni Smart Partnership

## Value-Driven Performance
- Talent Excellence
- Agile Governance
- Smart Campus
- Sustainable Funding

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

- 09 Kualiti dan Kecemerlangan Akademik
- 07 Melakukan Rombakan Besar-besaran Terhadap Sistem dan Ekosistem TVET Nasional
- 11 Pemerkasaan Mahasiswa
- 08 Memastikan Kepentingan IPTS dalam Sektor Pendidikan Tinggi
- 03 Menilai Semula Kedudukan Kementerian
- 06 Memperkukuh Peranan Malaysia Sebagai 'The Lynchpin'
- 04 Memperkukuh Kekuatan Sumber Intelektual Malaysia
- 01 Menterjemahkan Aspirasi Nasional
- 02 Menterjemahkan Pelbagai Dasar dan Program Nasional
- 05 Mengurus Pelbagai Perubahan dan Ledakan Teknologi
- 10 Memperbaiki Akses dan Rejim Pembiayaan Pendidikan

## Aspirasi Nasional

| M | A | D | A | N | I |
|---|---|---|---|---|---|
| KEMAMPANAN | KESEJAHTERAAN | DAYA CIPTA | HORMAT | KEYAKINAN | IHSAN |

## Nilai UiTM

- E - Excellence
- S - Synergy
- I - Integrity

- I - Ilmu
- D - Disiplin
- A - Amanah
- R - Rajin
- T - Tanggungjawab

# PENGIKTIRAFAN GLOBAL

Mensasarkan agar warga UiTM yang mendapat penghormatan atau pengiktirafan di peringkat dunia dalam bidang kepakaran masing-masing, bekerja rapat dengan pemegang taruh seperti alumni, industri, pihak berkuasa dan masyarakat, yang mana idea mereka diterima oleh komuniti sejagat.

## 6 TONGGAK PENGIKTIRAFAN GLOBAL 2024

1. Warga akademik bertaraf dunia
2. Pelajar Bumiputera bitara yang diiktiraf dunia
3. Staf bukan akademik yang diiktiraf dunia
4. Staf pelaksana yang diiktiraf dunia
5. Penglibatan aktif bersama industri, komuniti dan pihak berkuasa / agensi kerajaan
6. Penglibatan aktif alumni



# ڤمبوداياءن علمو ممبنتوق اديواڠسا

# Pembudayaan Ilmu Membentuk Adiwangsa

**Pembudayaan Ilmu**

Pengamalan dalam penyampaian dan penyantunan ilmu yang dapat memberi makna dan hikmah terhadap diri seseorang.

**Membentuk Adiwangsa**

Melahirkan insan yang mempunyai nilai mulia, berilmu, beradab dan berintegriti yang bermanfaat sesama manusia, alam serta makhlukNya.

# PEMBUDAYAAN ILMU

| | | | |
|---|---|---|---|
| **STRATEGIC GOAL** | **UiTM : GLOBALLY RENOWNED ; COMMUNITY AND LOCALLY ROOTED** | | |
| **STRATEGIC THRUSTS** | **QUALITY EDUCATION** | **GLOBAL EXCELLENT** | **VALUE DRIVEN PERFORMANCE** |
| **STRATEGIC THEMES** | EDUCATION 5.0<br>ENTREPRENEURIAL & WELL BALANCED GRADUATE<br>WIDENED ACCESS | TRANSLATIONAL RESEARCH DEVELOPMENT, INNOVATION & COMMERCIALISATION<br>INDUSTRY, COMMUNITY & ALLUMNI SMART PARTNERSHIP | TALENT EXCELLENT<br>AGILE GOVERNANCE<br>SMART CAMPUS<br>SUSTAINABLE FUNDING |
| **7** PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) | **KPI 1:** Peratus Pemilikan Bahan Silibus Universiti<br>**KPI 2:** Bilangan Rekod Penting Universiti<br>**KPI 3:** Bilangan Bahan Bacaan yang dirujuk | **KPI 4:** Bilangan Ketampakan Bahan Repositori Institusi<br>**KPI 5:** Bilangan Penyertaan Program Budaya Ilmu | **KPI 6:** Peratus Penggunaan Perkhidmatan Personalised Perpustakaan Digital<br>**KPI 7:** Peratus Kepuasan Bekerja Staf Perpustakaan UiTM |
| **13** PETUNJUK PRESTASI (PI)<br><br>**PERPUSTAKAAN UiTM** | **PI 1:** Bilangan Libat Urus Bersama Program Pengajian Universiti<br>**PI 2:** Bilangan Libat Urus Pengurusan Rekod dan Arkib Bersama Pusat Tanggungjawab<br>**PI 3 :** Bilangan Judul Baharu Sumber Rujukan Universiti<br>**PI 4 :** Bilangan Pengunjung Fizikal Perpustakaan<br>**PI 5 :** Bilangan Muat Turun Bahan Digital Perpustakaan UiTM<br>**PI 6 :** Bilangan Pengunjung Maya Perpustakaan | **PI 7 :** Bilangan Muat Naik Bahan Repositori Institusi<br>**PI 8 :** Bilangan Penyertaan Kerjasama Komuniti Perpustakaan<br>**PI 9 :** Bilangan Penyertaan Program Literasi Maklumat<br>**PI 10 :** Bilangan Penglibatan Alumni UiTM | **PI 11 :** Bilangan Penggunaan Laman Web Perpustakaan UiTM<br>**PI 12 :** Peratus Staf Mencapai 42 jam Latihan<br>**PI 13 :** Bilangan Penyertaan Kecemerlangan Inovasi dan Produktiviti Kerja |

**6**
MATLAMAT

**21**
INISIATIF UTAMA

**7**
PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

**13**
PETUNJUK PRESTASI (PI)



# 01

## KECEMERLANGAN BAKAT DAN KEBERHASILAN ILMU

### #INISIATIF 1
### PEMERKASAAN UiTM LIBRARY TALENT POOL

Memberi sumbangan yang signifikan kepada kepakaran melalui *UiTM Library Talent Pool* dengan memperkukuhkan dan memperluaskan  bakat yang ada serta memperkaya pengalaman pembelajaran dan perkongsian ilmu.

## PEMERKASAAN BAKAT MELALUI

Meneruskan dan memperkukuhkan program / aktiviti secara dalaman melalui kepakaran Pustakawan khusus kepada warga Universiti

**Merancakkan pemindahan ilmu kepakaran kepada warga dan komuniti**

**Menerima jemputan sebagai tenaga pengajar / penceramah**

Memperkukuh kekuatan sumber bakat dengan membuka peluang dan ruang untuk pengiktifiran melalui jemputan sebagai tenaga pengajar di peringkat luar UiTM

# 01

## KECEMERLANGAN BAKAT DAN KEBERHASILAN ILMU

### #INISIATIF 2
### PROJEK KECEMERLANGAN STAF PENTADBIRAN

Staf Pentadbiran sebagai
*Subject Matter Experts (SME)*

- Memberi peluang kepada staf perpustakaan melalui *Vice Chancellor Special Project* (*VCSP*) untuk mengetengahkan kepakaran masing-masing (sebagai *Subject Matter Expert*)
- Meningkatkan visibiliti kumpulan Pustakawan UiTM di dalam pembangunan *Massive Open Online Courses (MOOCs)* atau *Micro-Credentials*
- Membangunkan modul bagi *niche/subject* Knowledge Management dan Society 5.0

**Modul 1**

**KNOWLEDGE MANAGEMENT**

Menyediakan sumber pembelajaran yang bermutu tinggi dan mudah diakses kepada warga dan komuniti yang berminat untuk memperluaskan pengetahuan mereka dalam bidang pengurusan pengetahuan.

**Modul 2**

**SOCIETY 5.0**

Menyediakan sumber pembelajaran bertujuan untuk meneroka konsep-dan aplikasi teknologi canggih dalam transformasi *Society 5.0* yang menggabungkan teknologi digital, seperti kecerdasan buatan (AI), *Internet of Things (IoT), big data,* dan lain-lain.

# 01

## KECEMERLANGAN BAKAT DAN KEBERHASILAN ILMU

### #INISIATIF 3
### *NEW LEARNING & TRAINING SPACE*

Mewujudkan inovasi dalam Perkhidmatan Perpustakaan UiTM melalui pembangunan modul dan kandungan baharu bagi menyokong pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti

## *NEW LEARNING AND TRAINING SPACE* MELALUI PEMBANGUNAN MOOCs PERPUSTAKAAN UiTM

★★★★★

> **"Kita mesti seiring dengan kemahiran teknologi paling terkini yang menyokong pengajaran dan pembelajaran"**

**1**

Meningkatkan bilangan kepakaran bagi setiap bidang dalam Pembangunan MOOCs

**2**

Perkhidmatan Perpustakaan perlu merancang pembangunan modul dan kandungan pengajaran dan pembelajaran yang baharu

# 01

## KECEMERLANGAN BAKAT DAN KEBERHASILAN ILMU

### #INISIATIF 4
### KUALITI DAN KECEMERLANGAN AKADEMIK

Mendorong dan memperkasa kesarjanaan warga Perpustakaan UiTM melalui peningkatan kelayakan akademik

## PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT MELALUI

- Biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) tajaan Kementerian Pendidikan Tinggi **(Staf P&P)**
- Flexible Learning Program melalui kolaborasi bersama Pengajian Sains Maklumat **(Staf P&P)**
- Biasiswa Staf Pentabdiran bagi Kumpulan Pelaksana **(Staf Pelaksana)**

**“Pengurusan sentiasa melihat peningkatan akademik sebagai penyumbang utama pembangunan modal insan dan pencetus kreativiti dan penjana inovasi.”**

# 02

## KEMENJADIAN PELAJAR DAN MAHASISWA BITARA

### #INISIATIF 5

### UiTM TEACHING LIBRARY

Melahirkan *Future Librarian* dan graduan yang bersifat peka dan tersedia industri yang seterusnya dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan UiTM.



**[FUNDAMENTAL]**

**01**

- Memberi kefahaman awal kepada pelajar tentang bidang Profesional Maklumat.
- Memberi peluang kepada pelajar memahami perpustakaan sebagai sebuah organisasi pengurusan maklumat dan pendidikan di Universiti.
- Memberi kefahaman mengenai sistem pengurusan perpustakaan, tingkah laku pengurusan keperluan maklumat dan tugas sebenar seorang Profesional Maklumat.

**[PRACTICUM]**

**02**

- Menyepadukan teori dengan amali pengajaran dan pembelajaran.
- Mengaplikasikan pelbagai strategi dan kemahiran pengurusan perpustakaan.
- Memupuk sikap positif, meningkatkan jati diri, menghayati dan mengamalkan nilai-nilai profesionalisme.

**[INDUSTRIAL TRAINING]**

**03**

- Komponen akhir berbentuk latihan bekerja sebenar yang memberi peluang kepada pelajar menjalani latihan di perpustakaan bagi menimba ilmu kerjaya dan mengaplikasikan teori di tempat kerja.
- Latihan ini ditawarkan secara pilihan kepada pelajar samada mereka ingin meneruskan bersama perpustakaan UiTM ataupun di perpustakaan agensi lain di Malaysia.

### HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM

**PENGALAMAN BEKERJA** → **PENINGKATAN KEMAHIRAN** → **INTEGRASI PEMBELAJARAN** → **PROFESIONALISME**

- **PENGALAMAN BEKERJA**: Mendapat pengalaman secara terus dalam persekitaran kerja yang sebenar
- **PENINGKATAN KEMAHIRAN**: Menggabungkan pembelajaran teori dan pengalaman praktis sebenar
- **INTEGRASI PEMBELAJARAN**: Mendapat peluang untuk meningkatkan kemahiran praktikal dan insaniah dalam suasana kerja sebenar
- **PROFESIONALISME**: Membentuk sikap profesional yang mematuhi standard etika profesion

# 02

# KEMENJADIAN PELAJAR DAN MAHASISWA BITARA

## #INISIATIF 6
## SUKARELAWAN PERPUSTAKAAN

"Melalui Pusat Kokurikulum UiTM, perlu diwujudkan 3 kumpulan sukarelawan, iaitu Briged Sukarelawan Masjid, Briged Sukarelawan Keselamatan oleh Badan Beruniform, khususnya KESATRIA, dan **Briged Sukarelawan Perpustakaan** bagi membentuk identiti mahasiswa yang utuh untuk menghadapi cabaran dunia yang semakin kompleks".

**Petikan Ucapan Amanat Naib Canselor 2024, YBhg. Profesor Datuk Dr. Shahrin Sahib, Naib Canselor UiTM**



## OBJEKTIF

**Mempunyai Semangat Kesukarelawan dan Terlibat Aktif Bersama Masyarakat dan Komuniti**

### MEMPERLUAS SOKONGAN AKADEMIK

Menyediakan sokongan tambahan kepada pelajar dalam aspek pembelajaran dan penyelidikan, termasuk bantuan dalam mencari sumber maklumat dan penerangan mengenai perkhidmatan perpustakaan

### MENINGKATKAN HUBUNGAN KOMUNITI

Memperkuat hubungan antara perpustakaan dan komuniti universiti, serta memupuk rasa kesetiaan dan identiti kepada perpustakaan sebagai pusat pembelajaran di kampus.

### MENINGKATKAN PENGALAMAN PEMBELAJARAN

Memberikan pengalaman pembelajaran praktikal kepada pelajar, membantu mereka memperoleh kemahiran baharu, memperluas pengetahuan mereka dan mengembangkan sikap profesional dalam persekitaran kerja.

## TIGA (3) KATEGORI PROGRAM SUKARELAWAN YANG AKAN MELIBATKAN AHLI SUKARELAWAN PERPUSTAKAAN

### PEMBELAJARAN

- Kemahiran Teknik Pencarian Maklumat
- Literasi Maklumat
- Student Workabout
- Program Bacaan Pantan (Speed Reading)

### KHIDMAT KOMUNITI

- Program Literasi Maklumat bersama Komuniti
- Bimbingan Pengurusan Pusat Sumber Sekolah

### PROGRAM / MAJLIS

- KRU Program Perpustakaan

# 03

## PEMINDAHAN DAN PERKONGSIAN ILMU KOMUNITI

### #INISIATIF 7
### PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN UiTM KEPADA KOMUNITI




"Sebagai sebuah **TAMAN ILMU** Perpustakaan perlu melazimi **BUDAYA ILMU** dengan **meraikan warga dan komuniti** melalui **keterbukaan penyampaian perkhidmatan** dan **sumber rujukan** yang disediakan."

# 03

## PEMINDAHAN DAN PERKONGSIAN ILMU KOMUNITI

**#INISIATIF 8**
**PROGRAM READ@UiTM**

**Sasaran 2024**
**35,000 Penyertaan**
**Program Read@UiTM**




Read@UiTM merupakan program galakan membaca bagi melahirkan warga UiTM yang sentiasa mengamalkan budaya membaca dan mencintai ilmu.

**(7) STRATEGI READ@UiTM**

1. **PENGGUBALAN DASAR GALAKAN BUDAYA MEMBACA IPT**
   Garis Panduan Program Penggiatan Budaya Membaca Read@UiTM
2. **KAJIAN BUDAYA MEMBACA DI PERINGKAT IPT**
   1 Kajian Tahap Membaca Warga UiTM
3. **PEMERIKSAAN PROGRAM GALAKAN MEMBACA IPT**
   - Kempen 1 Staf, 1 Buku Shah Alam: 1,554 naskhah
   - 13 sesi Mobile Library
4. **PEMERIKSAAN LITERASI MAKLUMAT BERKONSEPKAN 3A (ANYWHERE, ANYTIME, ANYONE)**
   Program Literasi Maklumat
5. **PEMANTAPAN AKTIVITI PEMBACAAN DAN PENULISAN**
   - 24 sesi Speed Reading Programme
   - 2 sesi Bengkel Penulis / Penulisan Kreatif
6. **KOLABORASI DENGAN PENERBIT**
   4 sesi Siri Book Talk bersama Penerbit UiTM
7. **MEMBANGUNKAN DAN MEMPERBANYAKKAN INFRASTRUKTUR**
   1 program Iqra' Corner UiTM Shah Alam

Mesyuarat Jawatankuasa Ketua Pustakawan Universiti Awam Bil.1/2024 telah bersetuju **Perpustakaan UiTM menerajui Program Read@Uni** bagi 20 Universiti Awam

# 03

## PEMINDAHAN DAN PERKONGSIAN ILMU KOMUNITI

**#INISIATIF 9**

**STAF BERILMU MELALUI PEMBACAAN DAN PENGHAYATAN ILMU**

*Saranan:*
*Staf Perpustakaan membaca*
***15 buah buku setahun***



# 03

# PEMINDAHAN DAN PERKONGSIAN ILMU KOMUNITI

## #INISIATIF 10
## LITERASI MAKLUMAT WARGA UNIVERSITI DAN KOMUNITI SEKOLAH

**1** Mempergiat **Pengajaran, Pembelajaran, dan Penyelidikan (3P)** menggunapakai modul-modul yang telah dibangunkan

**Sasaran 2024**
**104,000 Penyertaan**
Warga Universiti

| KELAS LITERASI MAKLUMAT | ORIENTASI PERPUSTAKAAN | COLLABORATIVE TEACHING | PHD CLINIC / WAKAF ILMU |
|---|---|---|---|
| Pelajar baharu dan lama | Pelajar baharu | Pelajar baharu dan lama | Program Bimbingan kepada staf dan pelajar yang masih dalam pengajian PhD |

**2** Melaksanakan **Program Literasi Maklumat** Bersama **Pelajar Sekolah Mengikut Negeri**

**Sasaran 2024**
**1,000 Penyertaan**
komuniti sekolah





| MODUL ASAS BACAAN PANTAS | MODUL LITERASI MAKLUMAT | MODUL EXPERIENTIAL TOUR |
|---|---|---|
| Tunjuk ajar teknik asas dan tips bacaan pantas | Tunjuk ajar pencarian maklumat melalui sumber yang sahih | Lawatan berpandu bagi memberikan pengalaman dan keseronokan menggunakan Perpustakaan UiTM |

# 03

# PEMINDAHAN DAN PERKONGSIAN ILMU KOMUNITI

## #INISIATIF 11
## KOLABORASI INDUSTRI DAN AGENSI

**Sasaran 2024**
**145,000 Penyertaan**
**Program Kolaborasi Industri dan Agensi**

## 01

Merancakkan **Program Kerjasama Komuniti (*Library Community Engagement*)**

- Dilaksanakan di Sudut LCE atau di luar perpustakaan



“**Program kolaborasi berimpak** sebagai usaha untuk memperkasakan masyarakat yang terhasil dari penyelidikan bagi pembangunan berterusan dalam mewujudkan persekitaran yang segar dan ekosistem yang kondusif”

## 02

Kolaborasi anjuran bersama **PTJ UiTM / agensi kerajaan / luar negara / badan berkanun / pihak korporat / industri / NGO**



# 03

## PEMINDAHAN DAN PERKONGSIAN ILMU KOMUNITI

### #INISIATIF 12
### PENGLIBATAN ALUMNI

**Peluang dan jaringan bersama mereka perlu dikukuhkan dan dimanfaatkan bagi membuka peluang perkongsian ilmu serta pengalaman dan peluang pekerjaan selain daripada menyumbang kepada penambahbaikan pengurusan perpustakaan dan universiti.**



# 04

# PEMBANGUNAN SUMBER RUJUKAN UNIVERSITI BERKUALITI

## #INISIATIF 13
## MEMPERKUKUH PEMILIKAN 100% BAHAN SILIBUS

*Bahan yang ada dalam koleksi Perpustakaan UiTM yang telah melalui proses perolehan lengkap.*

## POLISI PEMBANGUNAN SUMBER RUJUKAN BERCETAK

- Perpustakaan perlu menyediakan **(2) naskhah** atau sekurang-kurangnya (1) naskhah bagi setiap kursus dalam sesuatu program pengajian
- Buku Silibus diletakkan di **Rak Terbuka** kecuali bagi buku silibus berharga RM 1,000.00 dan ke atas
- Penyeragaman ke seluruh Perpustakaan UiTM

**Kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif Bilangan 3/2024, 8 Februari 2024**




**Peratusan Pemilikan Bahan Silibus**

Semua Perpustakaan perlu mengadakan
**Sesi Libat Urus Bersama Program Pengajian**

Bahan silibus adalah bahan-bahan yang tersenarai sebagai bahan bacaan yang diwajibkan untuk pembelian bagi memenuhi pematuhan akreditasi setiap program yang ditawarkan di UiTM.

Pembangunan bahan silibus adalah **tanggungjawab bersama** antara pusat tanggungjawab dan perpustakaan.

# 04

# PENGUKUHAN PEMBANGUNAN SUMBER RUJUKAN UNIVERSITI

## #INISIATIF 14

## MEMBANGUNKAN KOLEKSI JAWI

## OBJEKTIF

1. Mengekalkan **identiti bangsa Melayu** melalui koleksi tulisan Jawi dalam kalangan warga universiti khususnya dan masyarakat Malaysia amnya.
2. Menyediakan keperluan **rujukan dan penyelidikan** untuk pengguna sama ada dalam atau luar negara.
3. Memastikan **penyimpanan koleksi jawi terpelihara** agar ia tidak pupus pada generasi akan datang.
4. Meningkatkan **penguasaan Jawi** terutama aspek mengenal, membaca dan menulis Jawi.
5. Menyemai **semangat cinta Jawi** di kalangan masyarakat Malaysia.



# 04

## PEMBANGUNAN SUMBER RUJUKAN UNIVERSITI BERKUALITI

**#INISIATIF 15**

**NEWSPAPER@UiTM**

## Repositori bagi pengumpulan artikel mengenai UiTM merangkumi berita semasa, rencana, program atau penulisan warga UiTM



# 04

## PEMBANGUNAN SUMBER RUJUKAN UNIVERSITI BERKUALITI

**#INISIATIF 16**
**LANGGANAN TURNITIN**

turnitin

Semua Staf Perpustakaan perlu memahami **Dasar Plagiarism UiTM** dan merujuk ***Understanding Plagiarism a Guide for Lecturers***.

### Dasar Plagiarism UiTM

Menggariskan dasar dan pelaksanaan berkaitan pengurusan plagiarisme dalam hasil kerja ilmiah (dalam pelbagai bentuk) pelajar, staf akademik dan bukan akademik.

Pengurus Dasar : Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Kelulusan : Senat UiTM



Diterbitkan oleh *Institute of Quality & Knowledge Advancement* (InQKA), 2012

**Langganan alat Turnitin bermula pada 1 Februari 2024 sehingga 31 Januari 2025**

**14 orang moderator (Pustakawan UiTM)** telah dilantik bagi menguruskan akaun bagi setiap cawangan.

- Mengagihkan akaun kepada pensyarah (tetap & kontrak) yang aktif.
- Mengemaskini senarai pensyarah yang tidak aktif.
- Menerima permohonan pengeluaran penulisan dari repositori.

# 05

# PEMERKASAAN TRANSFORMASI DIGITAL PERPUSTAKAAN

## #INISIATIF 17

## PELAN KECERDASAN BUATAN (*ARTIFICIAL INTELLIGENCE*) PERPUSTAKAAN UiTM




## PELAKSANAAN

- Memahami konsep AI dan Aplikasi dalam konteks perpustakaan.
- Membangunkan panduan (*Library Guide*) berkaitan perkara AI.
- Melaksanakan pembangunan Sistem ChatBot.
- Menaiktaraf fungsi carian bahan perpustakaan.
- Melaksanakan pameran bahan AI.
- Melaksanakan kursus berkaitan penggunaan aplikasi AI.

---

- Semua staf Perpustakaan UiTM **wajib** menyertai Program Ai untuk Rakyat dengan melengkapkan ***Lencana Ai Aware*** dan ***Ai Appreciate.***
- 4 Jam Latihan ICT.

UNTUK RAKYAT

# 05

# PEMERKASAAN TRANSFORMASI DIGITAL PERPUSTAKAAN

**#INISIATIF 18**

***PERSONAL LEARNING NETWORK (PLN) - PERSONALISED DIGITAL LIBRARY (MYKM)***

- Konsep PLN akan dilaksanakan melalui penstrukturan semula dan reka bentuk baharu ***My Knowledge Management Portal (MyKM)*** bagi menyokong Teras Strategik Pendidikan Berkualiti.

- Reka bentuk baharu MyKM ini adalah melalui penambahbaikan fungsi dan keupayaan predictive analytics berdasarkan keperluan pembelajaran peribadi pengguna.



# 06

# PEMBITARAAN REKOD

## #INISIATIF 19
## PELAN TINDAKAN BENCANA REKOD UiTM (PTBR)

***Dokumen bertulis yang perlu dibangunkan oleh Pejabat Awam bagi persediaan menghadapi*** ***bencana atau kecemasan.***

## PELAN TINDAKAN BENCANA REKOD (PTBR)

### Sebelum Bencana (Pencegahan dan Persediaan)

Meminimakan risiko bencana. Pencegahan dibuat dengan mengambil kira tindakan yang perlu diambil bagi mengurangkan risiko yang boleh menyebabkan kerosakan, kehilangan nyawa, harta dan juga rekod.

### Selepas Bencana (Penyelamatan dan Pemulihan)

Aktiviti pemulihan rekod perlu dijalankan selepas berlakunya bencana.

### Semasa Bencana (Tindakan Proaktif/Response)

Melaksanakan prosedur kecemasan.

“Rekod universiti perlu **diselamatkan** daripada sebarang **bencana** sama ada sebelum, semasa dan selepas berlakunya gangguan atau bencana.

Keselamatan rekod merupakan **tanggungjawab semua PTJ.** Ini penting bagi memastikan rekod yang bernilai **terpelihara dan dapat dirujuk.**”

### PENYEDIAAN PTBR

- Pembentukan Pasukan Petugas Penyediaan PTBR
- Pengumpulan Maklumat Mengenai Organisasi
- Analisa Risiko
- Kaedah Penilaian Risiko

# 06

# PEMBITARAAN REKOD

## #INISIATIF 20 PENUBUHAN JAWATANKUASA PENGURUSAN DAN KESELAMATAN REKOD

## INDUK

### FUNGSI

1. Menentukan dasar, halatuju dan strategi berhubung program pengurusan rekod Universiti

2. Meluluskan program pengurusan rekod

3. Membincang dan menyelesaikan isu-isu berkaitan pengurusan rekod

4. Memantau penyerahan Rekod Penting Universiti

5. Memantau pelaksanaan Audit Pengurusan Rekod Universiti

6. Membincangkan isu berkaitan dengan keselamatan rekod di peringkat Pusat Tanggungjawab

### KEANGGOTAAN

Pengerusi: Ketua Pustakawan (PTAR)
Pengerusi Ganti: Ketua Timbalan Pustakawan (PTAR)
Setiausaha: Pegawai Jabatan Arkib Universiti (Gred 41 ke atas)
Sekretariat: Jabatan Arkib Universiti

Ahli:

- Ketua Timbalan Pendaftar (BGSU)
- Ketua Timbalan Pustakawan (PTAR)
- Timbalan Bendahari Kanan (Jabatan Dasar dan Kewangan Ibu Pejabat)
- Timbalan Ketua Juruukur Bangunan (Bangunan Dasar PPII)
- Timbalan Ketua Pustakawan Kanan (JAU)
- Ketua Polis Bantuan
- Ketua Pusat Pengajian Sains Maklumat (Pengurusan Rekod), Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik (KPPIIM
- Felo JAU
- Ketua Bahagian Jabatan Komunikasi
- Timbalan Ketua Pustakawan (JAU)
- Jurutera Mekanikal Kanan (Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (PPII)

## CAWANGAN

### FUNGSI

1. Menentukan dasar, halatuju dan strategi berhubung program, pengurusan rekod Universiti diperingkat UiTM cawangan

2. Meluluskan program pengurusan rekod diperingkat UiTM cawangan

3. Membincang dan menyelesaikan isu-isu berkaitan pengurusan rekod diperingkat UiTM Cawangan

4. Memantau penyerahan Rekod Penting Universiti diperingkat UiTM cawangan

5. Memantau Pelaksanaan Audit Pengurusan Universiti diperingkat UiTM cawangan

6. Membincangkan isu berkaitan dengan keselamatan rekod di peringkat PTJ UiTM cawangan

7. Membuat pelaporan kepada JKPKR UiTM

### KEANGGOTAAN

Pengerusi: Timbalan Rektor UiTM Cawangan
Setiausaha: Ketua Unit Arkib Cawangan
Sekretariat: Unit Arkib Cawangan (UAC)

Ahli:

- Timbalan Pendaftar Kanan
- Ketua Kewangan Cawangan
- Jurutera Kanan
- Pegawai Keselamatan Kanan/ Penolong Pegawai Keselamatan
- Timbalan Ketua Pustakawan/ Pustakawan Kanan

# 06

## PEMBITARAAN REKOD

**#INISIATIF 21**
SESI LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD BERSAMA PUSAT TANGGUNGJAWAB

- **Bersemuka**
- **Turun Padang**
- ***Personalized***

"Mengambil kira pandangan semua pihak berkepentingan melalui sesi libat urus yang lebih menyeluruh."



JIKA SEORANG MENCARI
ILMU, MAKA ITU AKAN
TAMPAK DI WAJAH,
TANGAN, DAN LIDAHNYA
SERTA DALAM KERENDAHAN
HATINYA KEPADA ALLAH.

- IMAN HASAN AL-BASHRI

PEMBUDAYAAN AMALAN

# STAF PERPUSTAKAAN UiTM

**01** EMOSI POSITIF DAN SIFAT SYUKUR



**04** BUDAYA “PERFORMANCE EXCELLENCE”



**02** BERILMU DAN BERAMAL



**05** PERHUBUNGAN DAN KEBERSAMAAN



**03** KEUPAYAAN MENIMBANG KEUTAMAAN



**06** AMALAN 3S
SENYUM , SAPA , SALAM



“

Saya menyeru semua Perpustakaan UiTM untuk menerbitkan **Laporan Tahunan dan ePocket Statistik** Perpustakaan bagi menzahirkan segala usaha dan inisiatif yang telah berjaya dilaksanakan secara **konsisten dan istiqamah.**

Penerbitan ini adalah penerbitan rasmi Perpustakaan UiTM yang berdaftar di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331), Perpustakaan Negara Malaysia

”



ILMU ITU SEPERTI AIR, JIKA IA TIDAK BERGERAK, MAKA IA AKAN MENJADI KERUH LALU MEMBUSUK.

- IMAM AS-SYAFIE

# PENUTUP

**Wahyu Pertama kali diturunkan Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW**

# اقرأ

# BACALAH


25 TAHUN
1999-2024
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA
ڤمبوداياءن علمو ممبنتوق اديواڠسا
Pembudayaan Ilmu
Membentuk Adiwangsa
UiTM di hatiku
اوسها • تقوى • مليا